

Soalan No: 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

TARIKH : 26.7.2017

SOALAN :

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a)apakah impak ke atas latihan guru serta keperluan guru di Sabah selepas penutupan empat IPG Sabah; dan
- (b)bilangan graduan guru dilatih dari empat IPG di Sabah setiap tahun dari tahun 2012 hingga 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menjelaskan bahawa tiada Institut Pendidikan Guru (IPG) yang akan ditutup. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017 telah bersetuju bahawa hanya dua (2) kampus IPG di Sabah, iaitu IPG Kampus Keningau ditukar fungsi menjadi kolej vokasional (KV) dan IPG Kampus Tawau ditukar fungsi menjadi Politeknik di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Walau bagaimanapun, pertukaran fungsi tersebut dilaksanakan secara

berfasa sehingga kohort pelajar IPG terakhir menamatkan pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) iaitu pada tahun 2021. Manakala dua (2) kampus IPG di Sabah iaitu IPG Kampus Kent dan IPG Kampus Gaya masih berfungsi memberikan latihan perguruan dan dapat menampung ambilan guru praperkhidmatan.

- b) Bilangan graduan guru di empat (4) kampus IPG di Sabah bagi tahun 2012 ialah seramai 303 orang, tahun 2013 seramai 294 orang, tahun 2014 seramai 597 orang, tahun 2015 seramai 370 orang. Jumlah graduan IPG Sabah bagi tahun 2016 ialah seramai 304 orang.